

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 1990/91

Mac/April 1991

JHH 232 - Sejarah Politik Malaysia Dari
Kesultanan Melaka Hingga 1941

Masa : [3 jam]

Jawab EMPAT (4) soalan.

... 2/-

1. Sejauh manakah "kesetiaan" merupakan ideologi penting kesultanan Melayu Melaka? Bahaskan.
(100 markah)
2. Jelaskan tentang penglibatan orang Bugis dan Minangkabau di dalam politik kerajaan Johor pada abad kelapan belas.
(100 markah)
3. Penulisan histiografi Melayu merupakan dokumen sejarah politik Melayu yang penting. Nilaiikan kenyataan ini dengan merujuk kepada Sejarah Melayu dan Tuhfatul Nafis.
(100 markah)
4. Bincang dan galurkan perkembangan perebutan takhta di dalam sejarah politik Kedah dari tahun 1681 sehingga 1821.
(100 markah)
5. Jelaskan persamaan dan perbezaan campur tangan Siam di Kelantan dan Trengganu pada abad kesembilan belas.
(100 markah)
6. Dengan merujuk pendapat Hobson tentang "imperialisme baru", jelaskan fenomena ini di Tanah Melayu pada akhir abad kesembilan belas dan awal abad kedua puluh.
(100 markah)
7. Nilaiikan langkah-langkah James Brooke di dalam usahanya mengukuhkan pentadbiran dan meluaskan kawasan di Sarawak.
(100 markah)
8. Bersetujukah anda dengan pembahagian tahap-tahap gerakan nasionalisme Melayu sebelum Peperangan Dunia Kedua seperti yang dirumuskan oleh Raden Soenarno? Bahaskan.
(100 markah)